

Trandate Tablets 100mg

Labetalol hydrochloride (100mg)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Trandate Tablet
2. Bagaimana Trandate Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Trandate Tablet
4. Cara menggunakan Trandate Tablet
5. Semasa menggunakan Trandate Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Trandate Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Trandate Tablet

Trandate Tablet digunakan untuk rawatan bagi semua jenis tahap hipertensi. Hipertensi ialah keadaan yang ditunjukkan melalui tekanan darah tinggi.

Bagaimana Trandate Tablet berfungsi

Trandate Tablet mengandungi ubat yang dinamakan sebagai labetalol hydrochloride. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai penghalang beta. Ia berfungsi dengan mengubah tindak balas badan terhadap sesetengah impuls saraf. Oleh itu, salur darah dalam badan menjadi lebih besar dan tekanan darah menurun.

Tanya doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang soalan tentang sebab Trandate Tablet dipreskripsikan kepada anda. Doktor anda mungkin

mempreskripsikan Trandate Tablet untuk tujuan lain.

Sebelum menggunakan Trandate Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ubat ini jika anda alah terhadap

- Labetalol hydrochloride, bahan aktif ubat ini
- Sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini

Jangan menggunakan Trandate Tablet jika:

- anda mempunyai jantung tersumbat tahap kedua atau ketiga (melainkan ada alat pacu jantung dalam badan), kejutan kardiogenik dan keadaan lain yang disertai hipertensi atau bradikardia yang teruk dan berpanjangan
- anda mempunyai asma atau mengalami sumbatan salur pernafasan.
- anda mempunyai kegagalan jantung decompensasi.
- anda mempunyai kegagalan jantung yang tidak terkawal / tidak stabil.
- anda mempunyai sindrom sakit sinus (melainkan ada alat pacu jantung dalam badan)
- anda mempunyai angina Prinzmetal.
- anda mempunyai disfungsi nod sinus.

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan. Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum menggunakannya

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan atau pengawet.

Beritahu doktor anda jika anda tidak bertoleransi dengan sesetengah jenis gula sebab Trandate Tablet mengandungi laktosa.

Sebelum mengambil Trandate Tablet, beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika:

- anda mengandungi atau menyusukan anak.
- anda menghidap atau pernah menghidap gangguan fungsi: sistem pernafasan, jantung dan / atau sistem vaskular, hati atau buah pinggang.
- anda menghidap sakit kencing manis, tirotoksikosis, acidosis metabolik, pheochromocytoma.
- anda pernah mengalami sindrom floppy iris intraoperatik.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil Trandate Tablet.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi

daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Trandate Tablet boleh bertindak balas antara satu sama lain.

Ini termasuklah:

- Perencat sintesis prostaglandin (NSAID)
- Ubat anti kemurungan trisiklik
- Halothane
- Cimetidine
- Penghalang salur kalsium (contohnya verapamil, diltiazem, nifedipine)
- Agen antiaritmia kelas-I (contohnya disopyramide dan quinidine)
- Amiodarone
- Digoxin
- Adrenaline
- Beta merangsang adrenergik
- Derivatif ergotamin
- Nitrat
- Antipsikotik (contohnya Chlorpromazine)
- Perencat kolinesteras
- Isotop radioaktif metaiodobenzilguanidina

Ubat ini mungkin dipengaruhi oleh Trandate Tablet atau mungkin menjejaskan fungsinya. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda mengambil sebarang ubat ini, periksa dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil Trandate Tablet.

Cara menggunakan Trandate Tablet

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa ambil Trandate Tablet seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Dos Trandate Tablet bergantung kepada keadaan anda.

Dos permulaan ialah 100mg dua kali sehari. Jika perlu, naikan dos kepada dos harian sebanyak 800mg (dibahagikan kepada dua kali sehari). Dalam kes yang serius, dos harian sehingga 2400mg pernah diberikan.

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda pada masa yang sama setiap hari.

Mengambil setiap dos Trandate Tablet pada masa yang sama setiap hari akan memberi kesan terbaik. Ia juga akan membantu anda mengingati masa mengambil ubat.

Ambil Trandate Tablet bersama makanan.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil Trandate Tablet secara berterusan seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jika tidak, ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlupa.

Jika anda sukar mengingati masa untuk mengambil ubat anda, minta petua daripada ahli farmasi anda.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Trandate Tablet, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan Trandate Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Trandate Tablet.

Beritahu doktor anda jika anda hamil, bercadang untuk hamil atau menyusukan anak.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu

doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Trandate Tablet.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat anda dengan mendadak terutamanya kalau anda mempunyai penyakit jantung iskaemia, kegagalan jantung atau angina pectoris, atau mengurangkan dos tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan mengambil Trandate Tablet untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Trandate Tablet mempengaruhi anda.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Jangan khuatir dengan senarai ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Sesetengah kesan sampingan biasa termasuklah:

- Ruam kulit
- Hipotensi postural

- Hidung tersumbat
- Kesukaran kencing
- Pening
- Sakit kepala
- Kabur penglihatan
- Loya
- Disfungsi ereksi
- Kegagalan jantung kongestif

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Kesan sampingan dengan kekerapan yang tidak boleh ditentukan daripada data yang tersedia termasuk:

- Kesakitan puting dan pengurangan aliran darah secara tidak berkala ke puting, yang mungkin menyebabkan rasa kebas, kepuatan dan kesakitan puting (Fenomena Raynaud)
- Tahap kalium yang tinggi dalam darah (hiperkalaemia) terutamanya jika fungsi buah pinggang anda telah merosot

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumersà Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Trandate Tablet

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknyanya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Jika anda mengeluarkan ubat daripada peknyanya, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat suhu bawah 30°C.

Jangan simpan Trandate Tablet atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Pil berwarna oren, berbentuk bulat, dwicembung bersalut dan bertanda TT01 pada satu permukaan.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Labetalol hydrochloride

Bahan tidak aktif:

- Cellulose Microcrystalline
- Lactose anhydrous
- Magnesium stearate
- Opadry orange

- Nombor MAL

MAL06011677AZ

Pengilang

Aspen Bad Oldesloe GmbH,
Industriestrasse 32 – 36, 23843,
Bad Oldesloe, Germany.

**Pemegang Pendaftaran
Produk**

Aspen Medical Products
Malaysia Sdn Bhd
201201020269 (1004761-W)
Unit 1302A, Level 13A,
Uptown 1, 1 Jalan SS21/58,
Damansara Uptown, 47400
Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemas kini RIMUP

01 May 2026

Nombor Siri

NPRA(R1/2) 01072022/213